7.	Encik Abd. Aziz Mohd Noor	Jbt. Perniagaan Kecil
8.	Encik Jaafar Wajib	Bahagian Antarabangsa
9.	Encik Mahfudz Muhamad	Kredit dan Pentadbiran
10.	Encik Abd. Rais Majid	Urusan Bank
11.	Encik M. Jamil Omar	Sektor Awam
12.	Encik Clement Fernandez	Multinasional
13.	Encik Lee See Beng	Sykt. Tempatan
14.	En. Che Lah Sulaiman	Harta

...^

KUMPULAN URUSAN KORPORAT

1.	Puan Zainab Md. Akhir	Pengawasan dan Pengurusan Portfolio
2.	Encik Abd. Halim Maarop	Jbt. Anak-anak Sykt. Kewangan
3.	Encik Elias Dahlan	Pejabat Odit Dalam
4.	Cik Ang Choon Gaik	Pejabat Undang-Undang
5.	Encik Nik Hassan Nik Mohd Amin	Pejabat Kredit Korporat
6.	Encik Lim Koon Yong	Jabatan Pentadbiran
7.	Encik Seah Fook Chin	Pejabat Perkhidmatan Kewangan
8.	Encik Abd. Aziz Ibrahim	Jabatan Perhubungan Awam & Pengiklanan
9.	Encik Mohd Hassan Mokhtar Ali	Jabatan Keselamatan & Anak-Anak Syarikat Semerak
10.	Puan Kalthsom Dato' Haji Kosai	BBMB Properties Sdn. Bhd.
11.	Encik Azlan Hamid	Kumpulan Analisa Dalaman
12.	Encik Jaafar Idris	Unit Kutipan Pinjaman
13.	Encik M. Roslan Yusof	Urusan Bank Personal
14.	Encik Abd. Razak Alwi	Perbendaharaan
15.	Encik M. Fadzil Tahir	Pusat Data

ANAK-ANAK SYARIKAT

1.	Encik Abu Bakar Sulaiman	Bumiputra Merchant Bankers
2.	Encik Abu Bakar Buyung	BBMB Leasing
3.	Encik Mohd Tahir Abdul Wahab	BBMB Discount House

4.	Encik Mohd Fauzi Abdullah	BBMB Securities
5.	Encik Kamaluddin Hj Awang	Kewangan
6.	Encik Razali Muhamad & Encik Syed Abdullah Syed Abd. Rahman	Heller Factoring

PENGURUS KAWASAN

1.	Encik Kamaralzaman Arshad	Penang/Kedah/Perlis
2.	Yaacob Ahmad	Perak
3.	Encik Mohd Pilus Jamlus	Selangor
4.	Encik Lai Ming Kong	Wilayah Persekutuan
5.	Encik Badlishah Mahmud	Pahang
6.	Encil Gan Cheung Pet	Kuala Trengganu
7.	Encik Mohd Nordin Dato' Abdullah	Johor
8.	Encik Kamal Batcha Dawood	Sabah/Sarawak/Labuan

PENGURUS CAWANGAN

1.	Encik Tee Chong Lai	Kulai , Johor
2.	Encik Mohd Rosli Abdul Rashid	Taman Maluri
3.	Encik Nordin Abu Bakar	Dayabumi
4.	Encik Awaluddin Md Yassin	Universiti Kebangsaan M'sia

**WAKIL-WAKIL IBU PEJABAT DAN CAWANGAN
DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR**

IBU PEJABAT

- | | | |
|----|---|------------------------|
| 1. | YM Raja Ihsan Raja Madun | Financial Subsidiaries |
| 2. | Encik Nik Kamaruddin Mohd Amin
&
Encik Razali Thamby Chik | Facilities |
| 3. | Encik Mohd Kamel Kasim | Leasing |
| 4. | Encik Bukhari Abu Bakar | Planning Department |

WILAYAH PERSEKUTUAN

- | | | |
|----|---------------------------|-----------------------|
| 1. | Encik Abd. Rahim Abdullah | Kompleks Pertama |
| 2. | Encik Nordin Shaari | Jalan Ampang |
| 3. | Puan Rogayah Abd. Rani | Kompleks Antarabangsa |
| 4. | Encik Ramalai Talib | K.L. Plaza |
| 5. | Encik Zamri Aziz | Dayabumi |
| 6. | Encik Tey Li Swi | Area Office Wilayah |

SELANGOR

- | | | |
|----|----------------------------|-----------------------------|
| 1. | Encik Othman Kamil | Kajang |
| 2. | Encik Sabar Hj Abd. Rahman | Area Office Selangor |
| 3. | Encik Ibrahim Mohd | Taman Sri Gombak |
| 4. | Encik Ibnu Tahir | Pelabuhan Kelang |
| 5. | Encik Abd. Rahman Talib | Kelana Jaya |
| 6. | Encik Azhari Maruddin | Universiti Kebangsaan M'sia |
| 7. | Encik Haji Hairuddin Mohd | Subang Jaya |

LAMPIRAN IV

Kawasan 1	-	Pulau Pinang/Kedah/Perlis	(5 kumpulan)
Kawasan 2	-	Perak	(8 kumpulan)
Kawasan 3	-	Selangor	(2 kumpulan)
Kawasan 4	-	Wilayah Persekutuan	(3 kumpulan)
Kawasan 5	-	Pahang	(1 kumpulan)
Kawasan 6	-	Kelantan/Trengganu	(8 kumpulan)
Kawasan 7	-	Melaka/Negeri Sembilan	(5 kumpulan)
Kawasan 8	-	Johor	(8 kumpulan)
Kawasan 9	-	Sabah/Labuan	(9 kumpulan)
Kawasan 10	-	Sarawak	(6 kumpulan)
Kawasan 11	-	Ibu Pejabat	(4 kumpulan)

LAMPIRAN V

SUSUNAN KUMPULAN-KUMPULAN QIP YANG BERTANDING DI DALAM KONVENTSYEN
TAHUNAN QIP 1988 PERINGKAT KEBANGSAAN PADA 19hb. MAC 1988

<u>NAMA KAWASAN</u>	<u>NAMA KUMPULAN</u>	<u>CAWANGAN/JABATAN</u>	<u>TAJUK PROJEK</u>
Perak	"Gagak Hitam"	Kampar, Perak	Memperbaiki perkhidmatan Bank kepada pelanggan.
Melaka/N. Sembilan	"Anak Watan BBMB"	Jasin, Melaka	Memperbaiki perkhidmatan harian/hari gaji
W. Persekutuan	"Progress Searcher"	T. Maluri	Mengurangkan kos elektrik dan bil telefon
Sarawak	"Bakti Kenyalang"	Serian	Mengurangkan kos elauan kerja lebih masa
Kedah/Perlis/ P. Pinang	"Jaya Sepakat"	Kulim, Kedah	Mengurangkan kos bil telefon
Selangor	"52 Frontier"	Section 52	Meningkatkan mutu perkhidmatan
Pahang	"Empro"	Kuantan	Mengurangkan kos elektrik
Ibu Pejabat	"Cahaya Biru"	Anak Syarikat Semerak	Mengatasi masalah penggunaan alat pemadam api
Sabah Labuan	"Putra Productivity Movement"	Sandakan	Mengurangkan jangka-masa menunggu bagi pelanggan daripada 25 minit ke 5 minit
Kelantan Trengganu	"Penyu"	Dungun	Mengurangkan overtime kerja lebih masa bagi Jabatan Cek Luar daripada 19% kepada 12%
Johor	"Kulai Boleh"	Kulai, Johor	Sistem beratur yang lebih berkesan

JOHAN

NATR JOHAN

KETIGA

- Anak Watan BBMB dari Jasin, Melaka

- Cahaya Biru dari Anak Syarikat Semerak

- Progress Searcher dari Taman Maluri

LAMPIRAN VI

NILAI PANEL PENILAI KONVENTSYEN KEBANGSAAN QIP 19881. Pengerusi Panel Penilai

Dr. Aris Othman
Pengerusi
Jawatankuasa Pemandu Induk QIP

2. Ahli-Ahli (Ahli Jawatankuasa Pemandu Induk QIP)

Encik Mohd Salleh Yeop Abdul Rahman
Pengurus Besar
Bahagian Urusan Bank Korporat

Encik C.N. Aziz
Pengurus Besar
Bahagian Pentadbiran Cawangan

Encik Nik Hassan Nik Mohd Amin
Pengurus Besar
Pejabat Kredit Korporat

Encik Mohd Hilmi Haji Ismail
Pengerusi
Sekretariat QIP

3. Pembantu Panel Penilai

Encik Alias Masod
Setiausaha
Jawatankuasa Pemandu Induk QIP

Encik Mohd Sobree Ali
Setiausaha
Sekretariat QIP

LAMPIRAN VII

**KRITERIA PENILAIAN UNTUK MEMILIH KUMPULAN YANG TERBAIK
SEMASA KONVENTSYEN KEBANGSAAN QIP 1988**

<u>Kriteria</u>	<u>Markah Maksima</u>
1. Perjalanan kumpulan	5
2. Pemilihan projek	5
3. Definisi masalah	15
4. Teknik-teknik analisa	10
5. Tindakan memperbaiki dan perlaksanaan	15
6. Hasil-hasil yang didapati	20
7. Standardisasi	10
8. Penilaian sendiri dan rancangan-rancangan masa depan	10
9. Persembahan	10
	100%
	=====

LAMPIRAN VIII

RINGKASAN PROJEK-PROJEK KUMPULAN QIP

1. Nama Kumpulan : GAGAK HITAM
Cawangan : Kampar, Perak
Fasilitator : En. Yusoff Hj. Bakar
Ketua Kumpulan : En. Mohamad b. Othman
Setiausaha : Puan Siti Badariah bt Ahmad
Ahli-Ahli : En. Mohamad Hafed Bahari
En. Abdul Rahman Ahmad
Masalah : Pelanggan bersungut perkhidmatan lambat
Tema Projek : Memperbaiki perkhidmatan Bank kepada pelanggan-pelanggan

Punca/Sebab Masalah : FAKTOR-FAKTOR

1. MANUSIA

- (i) Pegawai dan kakitangan tidak cukup
- (ii) Kakitangan kurang cekap/kurang bekerjasama

2. MESIN

- (i) Selalu off-line
- (ii) Rosak
- (iii) Lambat

3. BAHAN

- (i) Borang yang tidak difahami oleh pelanggan
- (ii) Queue parking yang tidak dipatuhi
- (iii) Borang tidak diisi penuh

4. KAEDAH

- (i) Waran pencen yang direkodkan dan diluluskan sebelum dibayar
- (ii) Deposit bayaran yang besar hanya dikendalikan oleh Ketua Juruwang
- (iii) Borang yang disi oleh satu teller diproses oleh teller lain

CADANGAN PENYELESAIANSebab-sebab utama

1. Komputer rosak/hang-up, lambat

* Masalah ini diatasi oleh Ibu Pejabat dengan menggantikan mainframe yang baru.

2. Pelanggan tidak beratur/kaedah perkhidmatan

* Masalah ini timbul khususnya sewaktu pembayaran pencen

3. Pegawai/Kakitangan tidak cukup

* Masalah wujud sewaktu masa makan tengahari (lunch) dan kakitangan bercuti.

4. Pelanggan tidak tahu mengisi borang /tidak faham urusan Bank

* Sebelum ini, pelanggan meminta/bertanya kepada teller untuk mengisi borang.

5. Kakitangan kurang bekerjasama / kurang cekap

* Teller kurang berpengalaman mengenai sistem baru/"product" baru/komputerisasi jadi lewatlah perkhidmatan.

6. Lain-lain

* Voucher kekurangan di kaunter teller belum bersedia dan lain-lain

Cadangan Penyelesaian

- Ibu Pejabat perlulah mengadakan "trial-run" disatukan atau dua cawangan untuk mendapat feed-back dan mengenal pasti masalah yang timbul untuk diperbaiki.

- Pencen perlulah dibayar terus setelah disahkan oleh Pegawai yang disediakan khas disatu atau dua kaunter khas.

- Pengawal Keselamatan bertugas untuk menasihatkan pelanggan-pelanggan beratur di kaunter-kaunter lain.

- Waktu makan bagi teller/pegawai disusun semula.

- 2 orang teller dan 2 orang pegawai berada di dalam pejabat setiap waktu.

- Penolong Pengurus akan menguruskan hal-hal ini.

- Kaunter khas disediakan untuk menolong mengisi borang/bertanya sesuatu urusan di kaunter.

- Teller perlulah peka (sensitif) terhadap kehendak pelanggan.

- Jika seseorang Teller itu sesak (ramai pelanggan) maka Teller yang kurang pelanggan perlulah meminta pelanggan datang kekaunternya.

- Setiap teller dan kakitangan kaunter membiasakan diri dengan transaksi "service:" baru

- Teller yang lebih berpengalaman perlulah membantu teller yang memerlukan tunjuk ajar.

- Pegawai perlulah memberi penerangan selengkapnya untuk sesuatu yang baru.

- Sewaktu wujud "bottleneck" di sebarang bahagian; ditugaskan seorang pegawai/kakitangan untuk mengatasi masalah dengan segera

- Teller/kaunter mestilah bersedia tolak awal dan memastikan voucher/dokumen mencukupi.

HASIL NYATA

- (i) Masalah (punca-punca utama) dapat dikurangkan 75%.
- (ii) Perkhidmatan lebih cepat/kurang rungutan daripada pelanggan.

HASIL SAMPIINGAN

- (i) Kerjasama erat di antara kakitangan
- (ii) Menerima surat penghargaan dari pelanggan.

2.	Nama Kumpulan	:	ANAK WATAN BBMB
	Cawangan	:	Jasin, Melaka
	Fasilitator	:	En. Mohd Nasir Yahya
	Ketua Kumpulan	:	En. Mohd Yaakub Sultan
	Setiausaha	:	En. Mohd Shamel Abu Hashim
	Ahli-Ahli	:	Puan Faridah Saribon En. Abd Aziz Taib En. Achim Samad En. Rosni Hassan Puan Norhaizan Harun
	Masalah	:	Perkhidmatan harian dan hari gaji yang kurang memuaskan
	Tema Projek	:	Meningkatkan perkhidmatan harian dan hari gaji.
	<u>Punca/Sebab Masalah</u>	:	FAKTOR-FAKTOR

1. MANUSIA

- (i) Tiada Relief Teller sepenuh masa
- (ii) Kurang kerjasama pegawai untuk kad kuasa
- (iii) Tidak menyusun waktu keluar makan

2. MESIN

- (i) Komputer off-line
- (ii) Komputer hang-up
- (iii) Gangguan letrik

3. KAEDAH

- (i) Kurang kempen menambahkan pemegang kad Juwara
- (ii) Tidak menggunakan generator
- (iii) Barisan dikaunter tidak disusun semula

CADANGAN PENYELESAIAN

1. Back-up Teller dijadikan Teller sepenuh masa.
2. Mendapatkan kerjasama pegawai/Counter Supervisor untuk kad kuasa.
3. Menyusun waktu makan Teller/Counter Supervisor
4. Meningkatkan kempen pemegang kad Juwara
5. Masuk wang ATM waktu pagi antara jam 9.00 - 10.00 pagi (bukan antara 4.00 - 5.00 petang).
6. Tutup satu/dua kaunter untuk posting "none-cash" secara bergilir.

7. Menyusun barisan di kaunter. Dua barisan berpecah kepada empat tellers.
8. Telefon segera "Help-Desk" apabila komputer/ATM off-line/hang-up.
9. Mengemukakan cadangan menggunakan generator kepada Ibu Pejabat.

HASIL NYATA

- 1.. Masa menunggu dikurangkan daripada 4 minit ke 3 minit.
2. "Overtime" dapat dikurangkan - \$544.26 sebulan
Dikurangkan masa overtime - 75.67 jam sebulan.
3. "Meal Allowance" dapat dikurangkan - \$488.66 sebulan.
Dikurangkan masa Meal Allowance - 83.34 jam sebulan
4. Tenaga letrik dapat dikurangkan - \$100.71 sebulan.
Jumlah penjimatan (1 ke 4) = \$1,131.61 sebulan.
Penjimatan tadi mengambil kira
 - * pertambahan transaksi dari 650 ke 950
 - * purata setiap hari 216 transaksi untuk 3 Teller (sebelum Trial-run) dan 4 Teller (selepas Trial-run)
5. Pemegang kad Juwara bertambah sebanyak 1,002 orang menjadikan jumlah pemegang kad seramai 1,029 orang.
6. Penjimatan masa antara 20 ke 30 minit untuk Chief Cashier di-sebelah petang kerana diubah masa menukar wang ATM di sebelah pagi.

HASIL TIDAK NYATA

1. Persefahaman erat diantara Teller
2. Kerjasama di antara Teller dan pegawai lebih erat
3. Hubungan lebih baik diantara Teller dan pelanggan kerana mutu perkhidmatan lebih baik.
4. Imej Bank bertambah baik di mata masyarakat.

3.	Nama Kumpulan	:	PROGRESS SEARCHER
	Cawangan	:	Taman Maluri, Wilayah Persekutuan
	Fasilitator	:	En. Ahmad Rosli Abdul Rashid
	Ketua Kumpulan	:	En. Hamzah Abdul Hamid
	Setiausaha	:	Puan Yen Swee Lan
	Ahli-Ahli	:	Puan Raja Rohani Raja Mohamad En. Bahaman Buyong En. Mohd Zamani Hassan Puan Tuan Noriani Tuan Hassan En. Elmi Hassan En. Edward Innasi
	Masalah	:	Bil elektrik dan telefon yang tinggi
	Tema tajuk	:	Untuk mengurangkan bil elektrik dan telefon sebanyak 30%
	Data Semasa	:	Januari sehingga Disember 1986 - Bil elektrik & telefon sebanyak \$61,155.69.
	<u>Punca/Sebab Masalah</u>	:	FAKTOR-FAKTOR

1. MANUSIA

- (i) Overtime - kerja sedikit tetapi lampu dinyalakan
- (ii) Tabiat - "Calculator" tidak ditutup selepas digunakan
- lampu di tandas tidak ditutup selepas digunakan
- (iii) Pencuci (Cleaners) pejabat
- (iv) Tunggu di Bank tanpa sebab
- (v) Terlalu banyak panggilan peribadi

2. MESIN

- (i) Gunakan cara fotostat dan bukannya "cyclostyle"
- (ii) Dibuka tanpa diperlukan

3. KAEDAH

- (i) Kakitangan terakhir tidak menutup lampu
- (ii) Telefon tidak berkunci selepas waktu pejabat
- (iii) Tiada kawalan teratur untuk panggilan telefon

4. BAHAN

- (i) Voltage yang berlebihan
- (ii) Lampu dinyalakan tanpa diperlukan dikaki lima (corridor)
Bank.

CADANGAN PENYELESAIANSebab-sebab utama

1. Overtime - kerja sedikit tetapi semua lampu dinyalakan
2. Terlalu banyak panggilan peribadi
3. Tiada kawalan yang teratur untuk panggilan-panggilan telefon
4. Telefon tidak berkunci selepas waktu pejabat
5. Voltage yang berlebihan
6. Calculators, mesin fotostat dan lampu tandas tidak dipadamkan selepas waktu pejabat
7. Kakitangan terakhir tidak menutup lampu

Cadangan Penyelesaian

- . Lampu akan dinyalakan kepada kawasan yang diperlukan sahaja, sementara yang lain dipadamkan.
- . Semua unit hawa dingin dimatikan pada jam 5.00 petang.
- . Panggilan peribadi dihadkan dan di masa perlu dihadkan kepada 3 minit.
- . Semua panggilan-panggilan sahada rasmi atau tidak dicatit oleh kerani yang bertugas di Sistem PABX
- . Kerana PABX mencatit pemanggil dan masa yang diambil
- . Panggilan terus akan dicatit oleh pegawai/Ketua Jabatan yang ditugaskan
- . Semua telefon talian terus disimpan dan dikunci oleh Ketua Jabatan selepas waktu pejabat
- . Sistem PABX dikunci, ditinggalkan-satu sahaja talian untuk panggilan masol
- . Lampu-lampu di tandas di tingkat bawah dan tingkat satu dikurangkan dengan menggunakan bulbs 25 voltage dan tidak lagi 100 volts.
- . Pengurus Cawangan dapatlah mengingatkan kakitangan supaya mempunyai kesedaran kos sewaktu mesyuarat kakitangan
- . Pengawal Keselamatan yang bertugas di sebelah malam perlulah diarahkan untuk mematikan lampu dan lampu dinyalakan pada kawasan yang terhad sahaj

MASIL NYATA

1. Daripada Januari sehingga Disember 1987 bil elektrik dan telefon menurun kepada \$44,539.38.
2. Bagi tahun 1987, Cawangan Maluri dapat menjimatkan \$16,616.31 bagi bil telefon dan elektrik.
3. Pengurangan 27.17% daripada jumlah kos 1986.

4. Nama Kumpulan	-	Bakti Kenyalang
Cawangan	-	Serian, Sarawak
Fasilitator	-	Encik Abdul Halim Hassan
Ketua Kumpulan	-	Encik Mohamad Daud Abdul Hamid
Setiausaha	-	Encik Hassan Bujang
Ahli-Ahli	-	Encik Morshidi Mohamed
	-	Encik Jon (a) Ajis Ak Sumpat
	-	Encik Marzuki Rafae
Masalah	-	Elaun kerja lebih masa terlalu tinggi
Tema Projek	-	Untuk mengurangkan elauan kerja lebih masa yang terlalu tinggi
Data Semasa	-	Januari 1987, belanja kerja lebih masa (overtime) sebanyak \$1,908-47.
Puncu/Sebab masalah	-	<p>1. MANUSIA</p> <p>(i) Kurang tenagakerja</p> <p>(ii) Sikap suka bertanding pendapatan elauan kerja lebih masa</p> <p>(iii) Kurang rasa cintakan Bank</p> <p>(iv) Waktu pejabat tidak digunakan sepenuhnya dan sebaiknya</p> <p>(v) Tabiat kakitangan yang menganggap kerja lebih masa sebagai suatu susulan untuk menambahkan pendapatan</p>
	2. MESIN	
	(i)	Bilangan mesin kira dan mesin taip tidak mencukupi
	3. BAHAN	
	(i)	Keadaan memerlukan kerja lebih masa
	(ii)	Terlalu banyak lapuran yang harus dibuat

- (iii) Kerja harian terlalu membebankan
- (iv) Ada kerja yang perlu disiapkan dalam tempoh yang singkat

4. KEDAH

- (i) Kerja-kerja tidak dirancang dengan baik dan teliti
- (ii) Pengurusan dari pihak pegawai kurang memuaskan
- (iii) Teknik melaksanakan kerja kurang berkesan

5. SEBAB-SEBAB UTAMA

- 1. Waktu pejabat tidak digunakan sepenuhnya
- 2. Kerja-kerja tidak dirancang dengan baik dan teliti
- 3. Keadaan memerlukan kerja lebih masa

CADANGAN-CADANGAN PENYELESAIAN

1. Menerangkan kepada kakitangan mengenai kedudukan Bank dan Cawangan supaya tersemat "KESEDARAN MENGURANGKAN KOS"
2. Pengurus perlulah memanggil kakitangan yang banyak membuat tuntutan overtime supaya mendapat penjelasan dan diberi nasihat.
3. Kakitangan selalu dinasihatkan mengemaskin ciri-cara menyiapkan kerja

HASIL NYATA

1. Penjimatan kos overtime

Sebelum Trial Run -	Perbelanjaan Overtime	
dari pada 1hb April 1986 - 28hb Februari 1987		\$33,453-67

Selepas Trial-Run ..	Perbelanjaan Overtime	
dari pada 1hb April 1987 - 28hb Februari 1988		\$ 4,260-02

Jadi Penjimatan ialah		\$29,193-65
-----------------------	--	-------------

5.	<i>Nama Kumpulan</i>	-	<i>Jaya Sepakat</i>
	<i>Cawangan</i>	-	<i>Kulim Kedah</i>
	<i>Facilitator</i>	-	<i>Encik Zulkifli Puteh</i>
	<i>Ketua Kumpulan</i>	-	<i>Encik Tan Suan Huat</i>
	<i>Setiausaha</i>	-	<i>Puan Lai Yun Koon</i>
	<i>Ahli-Ahli</i>	-	<i>Encik Abdul Rahman Mydin</i>
		-	<i>Encik Mohd Ismail Salleh</i>
		-	<i>Encik Mohd Salleh Darus</i>
		-	<i>Encik Mohd Bakri Wahid</i>
	<i>Masalah</i>	:	<i>Kos bil telefon yang tinggi</i>
	<i>Tema Projek</i>	:	<i>Untuk mengurangkan kos bil telefon yang tinggi sebanyak 25%</i>
	<i>Data Semasa</i>	:	<i>Kos bil telefon</i>
			<i>Julai - September 1987 \$4,272-88</i>
			<i>Purata sebulan \$1,424-29</i>

Punca/Sebab-Sebab Masalah

1. MANUSIA

- (i) *Menerima panggilan "reverse charge"*
- (ii) *Terlalu banyak panggilan peribadi*
- (iii) *Perbualan terlalu lama*
- (iv) *Pelanggan meminjam telefon Bank*

2. KAEADAH

- (i) *Tiada kawalan ke atas penggunaan telefon*

3. BAHAN

- (i) *Telefon ditinggalkan tanpa berkunci sewaktu masa makan tengahari dan selepas waktu pejabat*

Sebab-Sebab Utama

1. *Menarima panggilan "reverse charge"*
2. *Panggilan Peribadi*

.../2

3. Pelanggan meminjam telefon Bank
4. Telefon ditinggalkan tanpa berkunci

CADANGAN PENYELESAIAN

1. Panggilan peribadi dihadkan kepada 3 minit
2. Semua telefon mestilah dikunci sewaktu masa makan tengahari dan selepas waktu pejabat
3. Diadakan buku catitan untuk merekod semua panggilan keluar, nama pemanggil ke tempat manakah dipanggil, masa bermula dan tamat
4. Dicadangkan untuk mengadakan satu telefon awam diluar ruang bank
5. Sistem telefon baru dipasang

HASIL NYATA

1.	Kos telefon dapat dijimatkan sebanyak	
	Julai - September 1987	- \$4,272-88
	Okttober - Disember 1987	- <u>\$2,935-07</u>

PENJIMATAN	<u>\$1,337-81</u>
------------	-------------------

2.	Purata kos telefon bulanan dikurangkan	
	Julai - September 1987	- \$1,424-29
	Okttober - Disember 1987	- <u>\$ 978-36</u>

PENGURANGAN	<u>\$ 445-93</u>
-------------	------------------

6.	<i>Nama Kumpulan</i>	: <i>52 Frontier</i>
	<i>Cawangan</i>	: <i>Section 52 Selangor</i>
	<i>Facilitator</i>	: <i>Encik Zahari Mohammad</i>
	<i>Ketua Kumpulan</i>	: <i>Encik Abdul Rahim Abdul Aziz</i>
	<i>Setiausaha</i>	: <i>Encik Arif Ahwan</i>
	<i>Ahli-Ahli</i>	: <i>Cik Norsiah Ahmad</i>
		: <i>Cik Rashidah Abd. Rahman</i>
		: <i>Cik Aminah Mansor</i>
		: <i>Encik Amiruddin Mahpop</i>
		: <i>Cik Norlida Bahari</i>
		: <i>Encik Abdul Jalil Yusof</i>
		: <i>Encik Rohaizi Montel</i>
		: <i>Encik Wan Hazani Wan Hamid</i>
		: <i>Encik Rosli Osman</i>
	<i>Masalah</i>	: <i>Perkhidmatan Kaunter yang kurang memuaskan</i>
	<i>Tema Projek</i>	: <i>Untuk memperbaiki perkhidmatan kaunter</i>
	<i>Data Semasa</i>	: <i>Pelanggan terpaksa menunggu lebih daripada 30 minit untuk mendapatkan perkhidmatan</i>
	<i>Punca/Sebab Masalah</i>	MANUSIA
		: <i>(i) Melayan pertanyaan pelanggan</i>
		: <i>(ii) Tenaga kerja tidak mencukupi</i>
		: <i>(iii) Supervisor sambilan</i>
		: <i>(iv) Kelulusan dari SUP 5</i>
		FAEDAH
		: <i>(i) Sistem beratur</i>
		: <i>(ii) Bukan universal teller</i>
		: <i>(iii) Deposit dari korporat</i>
		: <i>(iv) Voucher runcit dalaman</i>
		: <i>(v) Pembayaran tunai runcit</i>
		: <i>(vi) Masa membuka Saving Accounts terla</i>

ALAM SEKITAR

- (i) *Tandas diluar*
- (ii) *Supervisor diluar*
- (iii) *Gangguan orang luar*
- (iv) *Tiada tempat bertanya*

MESIN

- (i) *Komputer "Long-up"*
- (ii) *Tulian data terputus*
- (iii) *Mesin pengira tiada*
- (iv) *mesin kiri syiling tiada*

SEBAB-SEBAB UTAMA

1. *Sistem beratur yang selari*
2. *Bukan universal teller*
3. *Deposit dari korporat*
4. *Banyak melayan pertanyaan*
5. *Voucher credit dari dalam .*
6. *Supervisor sambilan*
7. *Pembukaan akaun simpanan mengambil masa 20 minit*

CADANGAN PENYELESAIAN

1. *Sistem beratur ditukar kepada sistem satu barisan*
2. *Semua teller dijadikan "Universal teller"*
3. *Melayan pelanggan korporat sebelum waktu urusan Bank*
4. *Mengadakan meja pertanyaan diruang legar Bank*
5. *Diadakan "back-room teller"*
6. *Melantik supervisor sepenuh masa*
7. *Pembukaan Saving Accounts dengan tulisan tangan sahaja*

HASIL NYATA

1. Pelanggan hanya perlu menunggu diantara 10 ke 15 minit untuk setiap urusan.

Pelanggan-pelanggan terpaksa menunggu lebih daripada 30 minit

Nama Kumpulan	- EMPRO
Cawangan	- Kuantan, Pahang
Fasilitator	- Encik Omar Haji Abdul Hamid
Ketua Kumpulan	- Encik Sharafudeen Ismail
Setiausaha	- Encik Hassan Mohd Shukor
Ahli	<ul style="list-style-type: none"> - Encik Wan Ibrahim Wan Ngah - Encik Jamaludin Hassan - Encik Halidon Md Daud - Encik Azman Dollah - Encik Ishuddin Jamaluddin
Masalah	- Kos elektrik yang tinggi
Tema Projek	- Untuk mengurangkan kos elektrik sebanyak 10%
Punca/Sebab masalah	<p>- 1. <u>MANUSIA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kurang sikap kesedaran penjimatan kos (ii) memasang alat-alat elektrik tanpa kawalan <p>2. <u>SISTEM</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kedudukan lampun yang berselerak (1 suis untuk memasang beberapa unit lampu) (ii) tiada tanda untuk suis tertentu (iii) pemasangan hawa dingin tanpa kawalan (iv) sistem 1 meter untuk 4 tingkat bangunan

RUANG

1. Lampu bilik air tidak perlu dinyalakan kecuali cuaca gelap
2. Tak memasang lampu diruang yang tak perlu
3. Lampu dibilik fail Jabatan Kredit dipasang ketika perlu
4. Lampu dibilik telex dipasang ketika perlu .

ALAT

1. Menukar bulb lampu yang berkuasa tinggi kepada yang berkuasa rendah ditempat yang kurang petang
2. Menggunakan 2 unit kompressor sahaja untuk hawa dingin
3. Mengawal unit kompressor hawa dingin kepada 1 unit sahaja apabila cuaca sejuk.
4. Mengasingkan meter elektrik bagi setiap tingkat bangunan.

HASIL NYATA

1. Susulan trial-run

Purata kos 6 bulan (April - September 86)	\$3,610 x 12	=	\$43,320
--	--------------	---	----------

2. Selepas trial-run

Purata kos Nov - Sept 87	\$2,887 x 12	=	\$34,644
--------------------------	--------------	---	----------

3. Penjimatan sebanyak \$8,580 dalam setahun

HASIL TIDAK NYATA

1. Sikap kakitangan lebih bertanggongjawab dan berkerjasama yang menutup semua suis lampu dan mesin-mesin ketika meninggalkan pejabat.

2. Tiada reaksi negatif dari pelanggan walaupun lampu di ruang legar bank ditutup ketika cuaca yang baik.
3. Tidak menjaskan mutu kerja walaupun hawa dingin ditutup lebih awal dan lampu-lampu diruang yang kurang penting ditutup.

8. Nama Kumpulan : Cahaya Biru
 Jabatan : Jabatan Keselamatan & Anak Syarikat Semerak
 Fasilitator : Tuan Haji Mohd Hassan Mokhtar Haji Mohd Ali
 Ketua Kumpulan : Encik Rasih Ahmad
 Setiausaha : Encik Kamarudin Ariffin
 Ahli : Encik Zainol Kadir
 Encik Anuar Normin
 Encik Mohd Musaffar Shah Abdul Wahab
 Masalah : Penyenggaraan alat pemadam api oleh kontrektor adalah tinggi.
 Tema : Untuk mengurangkan kos penyenggaraan alat pemadam api
 Data : Kos penyenggaraan yang dikendalikan oleh kontrektor
 1983 - M\$10,396-25
 1984 - M\$13,707-75
 Punca/Sebab : 1. MANUSIA
 (i) Kecewa
 (ii) Kakitangan terlatih
 2. ALAT/BAHAN
 (i) Kerosakan yang sedikit
 (ii) Kerosakan tidak dapat dipastikan
 3. KAEDAH
 (i) Pemeriksaan serta-merta oleh unit pencegah kebakaran
 (ii) Dibuat secara berperingkat
 (iii) Pengesahan dibuat oleh bomba
 (iv) Memakan masa
 (v) Masa tidak terkawal

4. BELANJAWAN

- (i) Kontrektor mengenakan bayaran berlebihan
- (ii) Kontrek tetap

Punca/Sebab Utama :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrektor kenakan bayaran yang berlebihan 2. Memakan masa 3. Kerosakan yang sedikit 4. Kakitangan terlatih
Cadangan Penyelesaian :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hantar untuk pemeriksaan bomba, kerja ini dilakukan oleh ahli-ahli kumpulan Cahaya Biru 2. Setelah dibuat pemeriksaan bomba terdapat kesemua alat pemadam api dan mengenalpasti segala kerosakan barulah dihantar kepada kontrektor
Hasil Nyata :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kos penyenggaraan 1987 sebanyak M\$2,127-50 sahaja Penjimatan - 1984 = M\$13,707-75 - 1987 = M\$ 2,127-50 <hr/> M\$11,580-25 <hr/>
Hasil Tidak Nyata :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja berjalan dengan lebih teratur 2. Kakitangan lebih berdisiplin dan berkerjasama

9.	Nama Kumpulan	:	Putra Productivity Movement
	Cawangan	:	Sandakan, Sabah
	Fasilitator	:	Encik Chiang Kok Leong
	Ketua Kumpulan	:	Encik Zulkifli Osman
	Setiausaha	:	Cik Loong Mui Ying Cik Betty Pang Fong Hoong
	Ahli-Ahli	:	Lee Lai Leong Mohd Amin Kamal Abd Muda Ajali Anthony Lagan Jumaidah Harris Thu Kui Chin Hien Shui Hyen Hazizah Mohd Ali Elly Lai Kui Fun
	Masalah	:	Masa menunggu pelanggan yang lama
	Tema Projek	:	Untuk mengurangkan masa menunggu bagi pelanggan daripada 25 minit ke 5 minit dan meningkatkan kecekapan sebanyak 80%
	Punca/Sebab	:	1. <u>MANUSIA</u> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kurang tenaga kerja (ii) Sikap negatif kakitangan yang sengaja melewatkan kerja (iii) Kurang latihan 2. <u>MESIN</u> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kurang mesin 'casting' (ii) Komputer rosak (iii) Salahguna mesin

3. BAHAN

- (i) Alatulis yang membazir
- (ii) Tiada kawasan penyambut tetamu untuk melayan pelanggan

4. KAEDAH

- (i) Kurang tiang "Q" (Q Post)
- (ii) Yang awal datang yang awal dilayan
- (iii) Kaedah selari "Q"

Punca/Sebab Utama :
1. Tiada kaunter penyambut tetamu
2. Kurang latihan
3. Kurang tiang "Q"
4. Salahguna komputer

Hasil Nyata : Dapat dipertingkatkan kecekapan memberi perkhidmatan kepada pelanggan sebanyak 78.6%

10. Nama Kumpulan : Penyu
 Cawangan : Dungun, Terengganu
 Fasilitator : Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah
 Ketua Kumpulan : Encik Nik Loqman Nik Abdullah
 Setiausaha : Encik Che Ilarun Che Ismail
 Ahli-Ahli :
 Encik Abdul Razak Mohamad
 Encik Wan Ismail Wan Abdullah
 Encik Zailan Mohd Ali
 Encik Kasman Ismail
 Encik Mohd Fauzi
- Masalah : Jabatan cek luar (OC Department) tidak banyak kerja di sebelah pagi tetapi banyak pada sebelah petang - kadar kerja lebih masa
- Tema Projek : Untuk mengurangkan kadar kerja lebih masa di Jabatan Cek Luar
- Punca/Sebab :
 1. MANUSIA
 (i) Hanya seorang sahaja tenaga kerja di jabatan ini.
 2. KAEDAH
 (i) Terlalu banyak perkara yang perlu diberes-kan dalam masa yang singkat.
 (ii) Gangguan kerja melayani pelanggan yang bertanyakannya soal O/C melalui telefon.
 3. BAHAN
 (i) Mailing "OC Cheque" sampai lewat
 (ii) Terlalu banyak OC cek pada satu-satu masa
 4. JENTERA/CARA PERLAKSANAAN
 (i) Proses menaip IBT memakan masa yang lama

- Cadangan Penyelesaian : 1. Jadual "OCP Cleared" diterima pada hari ini dan baucernya dikeluarkan keesokannya bukan pada hari yang sama. Tugas ini perlulah dilakukan sebelum jam 10.00 pagi setiap hari.
2. Timbangan cek-cek PETRONAS hendaklah dibuat sebelum jam 10.00 pagi setiap hari.
3. Ditaipkan IBT di antara jam 10.00 pagi 5.00 petang.
4. Menambahkan seorang lagi kakitangan di Jabatan Cek Luar
- Hasil Nyata : 1. Sebelum Trial-Run
- Elaun/overtime jabatan O/C ialah sebanyak 19%
- Selepas Trial-Run
- Elaun/overtime sebanyak 12.4%
- Hasil Tidak Nyata : 1. Hilang perasaan hasad dengki di kalangan kakitangan yang terlibat di dalam kerja lebih masa

- 11) Nama Kumpulan : Kulai Boleh
 Cawangan : Kulai, Johor
 Fasilitator : Encik Tee Chong Lai
 Ketua Kumpulan : Encik Badruddin Haji Ishak
 Setiausaha : Encik Ahmad Haji Sidi
 Ahli-Ahli : Puan Lily Yeoh Kim Neo
 Encik Amat Sajuri Saini
 Encik Yunos Abd Ghani
 Cik Nor Anisah Mohd Ysin
 Cik Loh Suan Choo
 Masalah : Waktu yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan teller
 Tema Projek : Mewujudkan sistem beratur yang lebih berkesan untuk para pelanggan
 Punca/Sebab :
 1. MANUSIA
 (i) Teller keluar makan/melayani telefon
 (ii) Ke tandas/kerja-kerja lain
 2. KAEDAH
 (i) Sistem beratur yang tidak berkesan
 (ii) Tidak dapat melayani pelanggan berikut sekiranya pelanggan di hadapan belum dibereskan
 (iii) Tunggu tambahan/tukaran wang dari ketua juruwang
 3. JENTERA
 (i) Alat komputer sering "Off line"
 4. BAHAN
 (i) Borang yang diisikan tidak betul
 (ii) Wang tunai/cek tidak tersusun

- Cadangan Penyelesaian : 1. Mengubah sistem berbaris dari bentuk lurus (3) baris kepada satu baris bentuk S
2. Menampal poster yang menerangkan cara-cara mengisi borang yang betul
3. Meletakkan papan tanda memberitahu pelanggan supaya dapat menyusun wang serta cek-cek yang hendak dimasukkan.
4. Meminta kerjasama dari pihak Pusat Data supaya dapat mengatasi masalah yang timbul
5. Menapis panggilan-panggilan yang tidak mustahak untuk Teller di dalam waktu perniagaan
6. Akan memajukan perkara ini kepada pihak atasan untuk tindakan mereka
- Hasil Nyata : 1. Bayaran "Overtime" dikurangkan sebanyak 13% dibahagian teller
2. Jumlah barang-barang yang rosak berkurangan
- Hasil Tidak Nyata : 1. Pelanggan merasa tidak irihati kerana perbedaan masa untuk mendapatkan perkhidmatan serta merta - siapa dahulu didahulukan
2. Pada hari-hari gaji - tiada lagi masalah masa menunggu yang lama
3. Teller dapat keluar makan tengahari pada masa yang ditetapkan
4. Layanan secara sulit - dapat diberikan dan pelanggan lebih yakin untuk berurus dengan Bank.
5. Teller tidak merasa irihati kerana beban kerja dipikul sama rata

3. ALAT

- (i) jenis alat-alat yang banyak (lif, pendingin udara, mesin kira, lampu, mesin fotokopi dan unit komputer)
- (ii) alat dipasang secara berlebihan (tanpa had)

4. RUANG

- (i) Ruang yang luas menyulit kawalan
- (ii) Ruang tingkat yang lain meningkatkan kegunaan elektrik

Cadangan Penyelesaian


SISTEM

1. Melekatkan tanda pada setiap suis lampu bagi menentukan kerja
2. Menetapkan masa memasang alat pendingin hawa dari 8.45 hingga jam 4.45 petang.
3. Mesin fotokopi digunakan dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja

MANUSIA

1. Kurang sikap kesedaran penjimatan kos kepada kakitangan melalui mesyuarat bulanan oleh pengurus.
2. Menggunakan alat-alat elektrik dimasa perlu sahaja.
3. Kakitangan pencuci pejabat diarahkan membuka suis yang ditetapkan
4. Pegawai bertugas/kakitangan yang akhir meninggalkan pejabat dikehendaki memastikan semua lampu dan suis elektrik ditutup.
5. Meletakkan poster-poster kesedaran ditempat tertentu.

LAMPIRAN D
BUKU PANDUAN
QIP



**QUALITY
IMPROVEMENT
PROGRAMME**

(Q.I.P.)

POLISI DAN PROSEDUR PROGRAM PENINGKATAN MUTU (QUALITY IMPROVEMENT PROGRAMME - QIP) DI BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD

I. PENGENALAN TERHADAP PROGRAM QIP

- 1.1 Program ini dikenali sebagai Quality Improvement Programme atau ringkasnya, QIP
- 1.2 Program ini akan dilaksanakan diseluruh Jabatan, Cawangan dan anak-anak Syarikat didalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

2. TUJUAN DAN SKOP

- 2.1 Polisi dan prosedur ini akan menafsirkan soal :-
 - 2.1.1 Definisi
 - 2.1.2 Falsafah
 - 2.1.3 Objektif-objektif
 - 2.1.4 Struktur organisasi
 - 2.1.5 Dasar
- 2.2 Polisi dan prosedur ini digariskan untuk memudahkan perlaksanaan program QIP

3. DEFINISI KUMPULAN QIP

- 3.1 Kumpulan QIP ialah :-
 - 3.1.1 Sebuah kumpulan kecil yang terdiri daripada kakitangan kakitangan Bank yang membuat kerja yang sama.
 - 3.1.2 Mereka bermesyuarat secara 'regular' untuk mengenal pasti dan menganalisa masalah kerja mereka.
 - 3.1.3 Mereka seterusnya akan membuat cadangan penyelesaian.
 - 3.1.4 Seandainya cadangan mereka diterima oleh pehak pengurusan (Ketua jabatan, ketua eksekutif Anak Syarikat, Pengurus kawasan ataupun Pengurus cawangan). Cadangan mereka akan dilaksanakan.
- 3.2 Ia adalah satu cara untuk mengesan dan mendapatkan daya innovatif dan kreatif yang terdapat dikalangan kakitangan Bank.

4. MATLAMAT/OBJKTIF QIP

- 4.1 Memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan organisasi.
- 4.2 Menghormati idea seseorang individu (humanity) dan mengujudkan satu keadaan harmoni ditempat bekerja yang akan memberi makna kepada setiap individu untuk bekerja.
- 4.3 Untuk membentangkan kebolehan manusia dengan sepenuhnya, dan akhirnya akan mengemukakan kemungkinan yang infinit.
- 4.4 Untuk memberi motivasi kepada kakitangan Bank untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan, meningkatkan produktiviti, menjimatkan kos dan mengatasi masalah-masalah.

5. FALSAFAH PROGRAM QIP

5.1 Setiap kakitangan Bank :-

- * Asset dan sumber paling berharga
- Untuk mempertingkatkan daya pengeluaran

- * Bekerja penuh dedikasi :-
- Jika diberi peluang dalam proses membuat keputusan
- Bagi memperbaiki prestasi kerja
- Memperbaiki imej Bank

- * Konsep utama :-

Pengurusan secara penyertaan bersama

(Participative Management)

5.2 FALSAFAH PROGRAM QIP

Setiap kakitangan Bank adalah merupakan asset dan sumber yang paling berharga dalam memaju dan mempertingkatkan daya pengeluaran Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Semua kakitangan Bank sanggup bekerja dengan penuh dedikasi seandainya mereka diberi peluang untuk melibatkan diri didalam proses membuat keputusan bagi memperbaiki prestasi kerja dan imej Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebagai sebuah institusi kewangan yang terulung dinegara ini.

Jadi, falsafah program QIP ialah konsep pengurusan secara penyertaan bersama (Participative Management) iaitu setiap kakitangan didalam Bank tidak kira kedudukannya dalam Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad apabila mereka diberi peluang yang lebih luas.

6. PRINSIP-PRINSIP ASAS

- 6.1 Pengiktirafan kakitangan Bank sebagai asset dan sumber yang paling bernilai disamping peranan pengurusan untuk memajukan Bank.
- 6.2 Pengiktirafan terhadap kemajuan kakitangan Bank sebagai ahli organisasi yang berguna.
- 6.3 Penyertaan, dokongan dan sokongan dari semua peringkat didalam Bank.
- 6.4 Kakitangan Bank saling bantu membantu kearah kemajuan diri, kumpulan dan bank.
- 6.5 Bekerja secara kumpulan tanpa 'super hero'
- 6.6 Projek dijalankan hasil usahasama.
- 6.7 Mengutamakan latihan untuk fasilitator, ketua dan ahli.
- 6.8 Kreativiti sentiasa digalakkan
- 6.9 Projek yang dijalankan berkaitan dengan kerja-kerja sendiri.
- 6.10 Sokongan yang tidak berbelah bagi dari pengurusan.

7. FAEDAH-FAEDAH

7.1 FAEDAH UNTUK KAKITANGAN (AHLI KUMPULAN QIP)

- 7.1.1 Kemajuan peribadi dimana kakitangan dapat memupuk sifat keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri serta membina sifat-sifat kepimpinan.

7.1.2 Kemajuan bersama dimana dapat mengamalkan perhubungan dan kerjasama diantara pekerja disemua peringkat pengurusan.

7.1.3 Kemajuan dari segi sikap dan komunikasi.

7.1.4 Kemajuan dari segi keselamatan.

7.1.5 Peluang-peluang untuk menyelesaikan masalah serta menambah dorongan dalam kerja.

7.1.6 Memperbaiki penyertaan didalam proses membuat keputusan dan memberi kepuasan bekerja.

7.1.7 Bertanggongjawab dan bersifat amanah.

7.2 FAEDAH UNTUK BANK (Jabatan, cawangan dan anak-anak syarikat)

7.2.1 Memperbaiki mutu perkhidmatan serta prestasi kerja.

7.2.2 Meningkatkan daya pengeluaran serta memperbaiki sistem dan cara kerja.

7.2.3 Mengurangkan perbezaan

7.2.4 Mengurangkan kos

7.2.5 Menambahkan keuntungan


7.2.6 Membina semangat bekerja secara berkumpulan.

7.2.7 Kakitangan menjadi bertambah minat serta melibatkan diri didalam kerja mereka.

7.2.8 Mengurangkan sungutan dan ketidak hadiran

7.2.9 Pengurusan secara penyertaan bersama.

7.2.10 Meningkatkan keperluan secukup diri setiap peringkat didalam Bank.

STRUKTUR DAN ORGANISASI QIP DI BBMB

JAWATANKUASA PEMANDU INDUK

8.1 Jawatankuasa Pemandu Induk ialah sebuah jawatankuasa yang merangka dasar perlaksanaan QIP dan memberi pertimbangan serta keputusan kepada cadangan-cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh kumpulan QIP untuk diseragamkan didalam BBMB.

8.1.1 Terdiri daripada beberapa orang ahli-ahli seperti berikut :-

Penasihat	Pengarah Eksekutif BBMB
Pengerusi	Ketua Pengurus Besar Pejabat Perancangan dan Kumpulan Anak-anak Syarikat
Ahli-Ahli	Pengurus Besar Bahagian Urusan Bank Korporat Kumpulan Urusan Bank
	Pengurus Besar Bahagian Urusan Bank Antarabangsa Kumpulan Urusan Bank
	Pengurus Besar Bahagian Pentadbiran Cawangan Kumpulan Urusan Bank
	Pengurus Jabatan Tenaga Manusia
Setiausaha I	Ketua Seksyen Latihan Jabatan Tenaga Manusia
Setiausaha II	Ketua Unit Pembangunan Organisasi ataupun Encik Mohd Sobree Ali Sekretariat QIP Seksyen Latihan

8.1.2 Ahli Jawatankuasa Pemandu Induk akan mengadakan mesyuarat tiga bulan sekali, tertakluk kepada keputusan dan budibicara Pengerusi Jawatankuasa ini.

8.1.3 Korum mesyuarat Jawatankuasa ini adalah kehadiran separuh daripada jumlah seluruh ahli-ahli Jawatankuasa dalam satu-satu mesyuarat.

8.1.4 Fungsi-fungsi utama Jawatankuasa Pemandu ini termasuklah :-

8.1.4.1 Untuk merancang strategi bagi perlaksanaan program QIP

8.1.4.2 Untuk memastikan bahawa Bank akan terus menyokong kegiatan-kegiatan QIP

8.1.4.3 Untuk menentukan sistem penghargaan dan pengiktirafan bagi kumpulan-kumpulan QIP

8.1.4.4 Untuk mempastikan bahawa Sekretariat QIP menyerahkan laporan bulanan tentang kemajuan kumpulan QIP.

8.1.4.5 Untuk menilai dan menganalisa serta merumuskan kemajuan program QIP setiap tiga bulan sekali.

8.2 SEKRETARIAT QIP

Sekretariat QIP ialah sebuah Jawatankuasa yang bertanggongjawab terhadap perlaksanaan program QIP.

8.2.1 Terdiri daripada beberapa orang ahli-ahli seperti berikut :-

i. Pengurus	Pengurus Jabatan Tenaga Manusia
ii. Pengurus Bersama	Pengurus Jabatan Perniagaan Kecil
iii. Ahli-ahli	Pengurus Jabatan Perhubungan Awam Ketua Seksyen Latihan Jabatan Tenaga Manusia Ketua Unit Pembangunan Organisasi Seksyen Latihan

Pengetua
Pusat Latihan Kakitangan

Pensyarah
Pusat Latihan Kakitangan

Pegawai
Unit Pengumpulan Pinjaman
Pejabat Kredit Korporat

- iv. Setiausaha - Pegawai Bertugas
Sekretariat QIP
Seksyen Latihan

8.2.2 Sekretariat QIP ini akan mengadakan mesyuarat sebulan sekali tertakluk kepada keputusan dan budibicara Pengerusi Sekretariat ini ataupun Penolong Pengerusi seandainya Pengerusi tidak ada.

8.2.3 Korum mesyuarat Sekretariat ini adalah kehadiran seramai lima orang.

8.2.4 Fungsi-fungsi utama Sekretariat ini adalah seperti berikut :-

- 8.2.4.1 Untuk merangka dan mengulangkaji garispanduan polisi QIP untuk kelulusan Ahli Jawatankuasa Pemandu Induk.
- 8.2.4.2 Untuk menyediakan latihan QIP untuk fasilitator-fasilitator dan ketua-ketua kumpulan.
- 8.2.4.3 Untuk mentadbir dan mengendali serta menyelia semua kegiatan QIP didalam bank dan anak-anak syarikat.
- 8.2.4.4 Untuk melapurkan kegiatan QIP kepada Ahli Jawatankuasa Pemandu Induk.
- 8.2.4.5 Untuk mengelola lapuran-lapuran daripada fasilitator-fasilitator dan ketua-ketua kumpulan QIP.
- 8.2.4.6 Untuk menganjurkan Konvensyen Tahunan QIP bagi kumpulan-kumpulan QIP di BBMB.

8.3 FASILITATOR

Fasilitator adalah merupakan penggerak ataupun penyelaras yang utama didalam program QIP

8.3.1 Fasilitator terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan diperingkat jabatan, Ketua-ketua Eksekutif diperingkat anak-anak syarikat, Pengurus Kawasan dan Pengurus Cawangan diperingkat cawangan.

8.3.2 Fungsi-fungsi utama fasilitator termasuklah :-

- 8.3.2.1 Menghubungi pihak Sekretariat QIP untuk mendapatkan bantuan dan nasihat.
- 8.3.2.2 Melatih ketua-ketua kumpulan dan membantu kumpulan apabila perlu.
- 8.3.2.3 Menyeliakan suasana yang terbuka dan menyokong.
- 8.3.2.4 Mempastikan bahawa kumpulan akan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti mereka terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan kerja mereka.
- 8.3.2.5 Berperanan sebagai orang tengah didalam penyelesaian masalah tanpa bertindak sebagai ketua.
- 8.3.2.6 Sebagai pakar rujuk kumpulan.
- 8.3.2.7 Pendengar dan penghubung yang aktif.
- 8.3.2.8 Mengesan kemajuan kumpulan.
- 8.3.2.9 Membuat susulan terhadap mesyuarat kumpulan
- 8.3.2.10 Menilai hasil program serta kos dan melapurkan kepada pihak pengurusan melalui pihak Sekretariat.
- 8.3.2.11 Menghantar laporan bulanan dengan menggunakan borang "Laporan Fasilitator Untuk Pihak Pengurusan ", sebelum penghujung minggu pertama setiap bulan.

8.4 KETUA KUMPULAN

Ketua kumpulan adalah dipilih oleh Ketua Jabatan diperingkat Jabatan Ketua Eksekutif diperingkat Anak-anak syarikat, Pengurus kawasan di peringkat Pejabat Pengurus kawasan dan Pengurus cawangan di peingkat cawangan.

8.4.1 Kriteria untuk menjadi ketua kumpulan adalah seperti terkandung dibawah

- i. mempunyai beberapa orang kakitangan dibawah penyeliaannya
- ii. pada umumnya diterima oleh kakitangan dan inovatif
- iii. bersedia untuk belajar.

8.4.2 Fungsi-fungsi dan tanggungjawab utama ketua kumpulan termasuklah :-

8.4.2.1 Mempastikan bahawa kumpulan QIP dapat beroperasi dan berjalan dengan lancar.

8.4.2.2 Melatih ahli-ahli mengenai teknik menyelesaikan masalah dengan bantuan fasilitator ataupun nasihat daripada Sekretariat QIP dimana perlu.

8.4.2.3 Memupuk semangat bekerjasama dan harmoni dalam kumpulan

8.4.2.4 Menetapkan mesyuarat serta menentukan ketetapan masa untuk mesyuarat.

8.4.2.5 Mengadakan mesyuarat dengan teratur.

8.4.2.6 Membahagikan assignment kepada ahli-ahli kumpulan.

8.4.2.7 Menunjukkan minat dan memberi sokongan kepada kumpulan

8.4.2.8 Menunjukkan teladan yang baik kepada ahli-ahli

8.4.2.9 Menggalakkan penyertaan kakitangan-kakitangan Bank yang lain sebagai ahli baru kumpulan.

8.4.2.10 Membantu kumpulan untuk menilaikan operasi

8.4.2.11 Membantu ahli-ahli kumpulan didalam menyelesaikan masalah-masalah.

8.4.2.12 Menguatkuasakan disiplin bekerja secara berkumpulan

8.4.2.13 Menyerahkan minit mesyuarat kepada Fasilitator dengan menggunakan borang 'Laporan Mingguan Ketua Kumpulan untuk Fasilitator' selepas diadakan mesyuarat.

8.5 AHLI-AHLI

Ahli-ahli kumpulan adalah merupakan tulang belakang untuk program QIP ini. Mereka adalah penting sekali oleh kerana :-

- * Tanpa ahli, program tidak dapat dijalankan dan
- * Kejayaan program ini adalah bergantung kepada sumbangan dan penglibatan aktif ahli-ahli

Saiz sesebuah kumpulan QIP selalunya terdiri daripada 3 - 10 orang ahli.

8.5.1 Keahlian

Setiap kakitangan didalam BBMB adalah layak dan dipelawa untuk menjadi ahli kumpulan QIP. Walaubagaimanapun, apabila seseorang itu sudah pun menjadi ahli kumpulan QIP, dia mestilah menyertai serta melibatkan diri secara total kearah kejayaan perlaksanaan program ini.

8.5.2 Fungsi dan tanggungjawab ahli-ahli kumpulan QIP adalah seperti berikut :-

- 8.5.2.1 Menghadiri mesyuarat kumpulan
- 8.5.2.2 Menumpukan usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan kerja serta mempelajari teknik-teknik penyelesaian masalah .
- 8.5.2.3 Mematuhi "tata kelakuan " kumpulan
- 8.5.2.4 Bertata tertib semasa menghadiri mesyuarat
- 8.5.2.5 Mengkritik hanya idea yang diberikan, dan bukannya individu atau orang yang memberikannya
- 8.5.2.6 Menyiapkan semua tugas-tugas yang diputuskan didalam mesyuarat dengan penuh penglibatan.
- 8.5.2.7 Mengenalpasti masalah, menyumbangkan idea-idea, menjalankan penyelidikan dan penyiasatan (dimana perlu) dan membantu kumpulan kearah menyelesaikan masalah-masalah.
- 8.5.2.8 Memajukan program kumpulan
- 8.5.2.9 Membantu dalam mendapatkan ahli-ahli baru untuk kumpulan

9. POL ISI

- 9.1 Setiap kakitangan di dalam BBMB adalah layak dan dipelawa untuk menyertai program QIP dengan menjadi ahli kumpulan QIP
- 9.2 Akan tetapi apabila seseorang kakitangan Bank itu sudahpun menjadi ahli kumpulan QIP maka dia mestilah menyertai serta melibatkan diri secara total kearah kejayaan perlaksanaan program ini.
- 9.3 Kumpulan akan :-
- 9.3.1 Mempunyai ahli-ahli yang telah pun dilatih tentang konsep dan teknik program QIP
 - 9.3.2 Dibenarkan untuk memilih masalah-masalah yang dikenalpasti dan seandainya diluluskan oleh pihak pengurusan (peringkat jabatan/cawangan) akan melaksanakan penyelesaian dan mengendalikan hasilnya.
 - 9.3.3 Diberikan pilihan untuk menerima ataupun menolak sebarang masalah-masalah yang dikemukakan kepada kumpulan dari sebarang sumber-sumber yang luar daripada jabatan/cawangan mereka.
 - 9.3.4 Dibenarkan untuk bertemu secara regular, selalunya sekali setiap minggu, selama sejam dan pada waktu pejabat.
 - 9.3.5 Menyediakan jadual untuk mesyuarat dan persembahan.
 - 9.3.6 Mempersempahkan masalah-masalah dan cadangan-cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan peringkat jabatan/cawangan untuk mendapatkan kelulusan.
 - 9.3.7 Menyerahkan minit mesyuarat kepada Fasilitator dengan menggunakan borang "Laporan mingguan Ketua Kumpulan untuk Fasilitator" setiap kali selepas diadakan mesyuarat kumpulan.
- 9.4 Kumpulan tidak akan membincangkan masalah-masalah berikut sewaktu mengenalpasti masalah :-
- 9.4.1 Dasar Bank/Jabatan/Cawangan
 - 9.4.2 Perjanjian Kesatuan Sekerja
 - 9.4.3 Tindakan Tatatertib
 - 9.4.4 Gaji dan Syarat-syarat perkhidmatan
 - 9.4.5 Belanjawan

9.4.6 Pembahagian tugas yang menyentuh peribadi

9.4.7 Penempatan dan perpindahan

Perkara 9.4.1 - 9.4.7 boleh dibincangkan jika sekiranya ianya merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab kakitangan Bank yang menganggotai kumpulan itu.

9.5 Pihak pengurusan dapatlah membantu serta menyokong kegiatan kumpulan QIP secara :-

9.5.1 Menerima cadangan kumpulan untuk diseragamkan dan membuat pertimbangan terhadap cadangan itu serta mempastikan bahawa cadangan itu dapat dilaksanakan didalam Bank.

9.5.2 Menghadiri mesyuarat beberapa buah kumpulan QIP walaupun sebentar sebagai menghargai kegiatan-kegiatan kumpulan serta mendorong ahli-ahli kumpulan untuk bekerja dengan lebih gigih

9.5.3 Menetapkan penghargaan dan sebarang hadiah perangsang untuk kumpulan yang terbaik,

9.6 Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif Anak Syarikat/Pengurus Kawasan/Pengurus Cawangan yang menjadi Fasilitator QIP akan dapat membantu kumpulan secara :-

9.6.1 Menggalakkan kakitangannya melibatkan diri didalam kegiatan kumpulan QIP

9.6.2 Memberarkan kumpulan mengadakan mesyuarat, waktu pejabat.

9.6.3 Menyediakan tempat mesyuarat serta memberarkan untuk diadakan publisiti kegiatan kumpulan.

9.6.4 Menghadiri mesyuarat kumpulan, sekali-sekala.

9.6.5 Mempunyai pemikiran yang terbuka terhadap cadangan-cadangan kumpulan.

